



PESERTA bersama penduduk Kampung Limbang bergambar kenangan bersempena dengan Program Lambaian Bayu Rakan Muda USIM.

Lambaian Bayu Rakan Muda USIM

Oleh Nur Syafinaz Abu Bakar
bhvrsiti@bharian.com.my

BERBEKALKAN semangat kesukarelawan dan ingin menimba pengalaman di bumi Borneo, seramai 42 peserta Sekretariat Rakan Muda Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengadakan program kemasyarakatan di Kampung Limbang, Ranau, Sabah, baru-baru ini.

Pengarah Program Lambaian Bayu Bawa Kami Ke Situ (Sabah),

Tajul Ariefin Othman, berkata antara pengisian program ialah anak angkat, gotong-royong bersama penduduk kampung, tazkirah penyucian jiwa 'soul food', perlawanan persahabatan badminton dan bola tampar serta kembara cinta alam di Hotspring dan Luanti.

Seorang daripada peserta, Samaha Abdullah, berkata program itu memberi impak yang besar dalam dirinya terutama menerusi program bersama keluarga angkat.

"Saya bertuah mempunyai keluarga

angkat di Ranau ini dan berharap ukhuwah ini tidak terputus selepas tamat program," katanya.

Selain itu, peserta berkongsi pengalaman dan ilmu mereka bersama pelajar Sekolah Menengah Agama Al-Irsyadiah, Marakau melalui program motivasi sementara aktiviti kerohanian dijalankan di Kampung Limbang termasuk forum perdana bertajuk 'Ayahku Super Hero, Ibuku Ratu di Hati' dan aktiviti 'Haiyya Ala Solat (Mari Mendirikan Solat)'.

Sementara itu, Ahli Jawatankuasa

Pelaksana, Hasnin Naajihah Nazemi, berkata program itu memberi pengalaman baru yang tidak diperoleh dalam kuliah.

"Pembabitian dalam program ini membolehkan saya lebih mengenali Sabah dengan lebih dekat terutama dalam aspek makanan, adat dan bahasa," katanya.

Majlis penutup program disempurnakan Setiausaha Politik kepada Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, Datuk Amisah Yassin.